

Pengusaha degil abai notis

Pihak berkuasa ambil masa tiga hari roboh jeti atas tanah kerajaan



Sebuah jentera digunakan bagi merobohkan jeti pendaratan ikan yang dibina atas tanah kerajaan.

BAGAN NAKHODA OMAR

- Sebuah jeti pendaratan ikan yang dibina atas tanah kerajaan di Pantai Bagan Nakhoda Omar, di sini, dirobohkan pihak berkuasa selepas didapati masih meneruskan operasi hariannya.

Penolong Pegawai Penguatkuasa Kanan Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Zulkifli Idrus berkata, pengusaha jeti berusia 40-an itu masih berdegil mengosongkan jeti meskipun sudah lebih tiga kali notis dikeluarkan.

"Tindakan pengusaha yang tidak mematuhi arahan dikeluarkan pihak berkuasa memaksa Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, 9 Januari lalu memutuskan supaya jeti itu dirobohkan.

"Jeti ini beroperasi di tanah rizab Melayu sejak Mei 2011 dan 23 Ogos tahun sama pengusaha-nya ada memohon supaya keraja-

an menukar tanah Rizab Melayu di Sungai Panjang bagi mengganti tanah yang diusahakannya, tetapi ditolak Mesyuarat Kerajaan Negeri," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, notis pertama dikeluarkan 14 Julai 2011 kepada pengusaha supaya mengalihkan struktur jeti dalam tempoh dua minggu disusuli notis am, 4 Ogos tahun sama, namun arahan itu tidak diendahkan.

"Kita telah beri amaran pada 20 Oktober 2011, tetapi pengusaha masih berdegil sebelum Luas menjalankan operasi bersepadu bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas), Mei tahun lalu.

"Operasi itu melibatkan pemotongan bekalan elektrik dan air serta jalan perhubungan selain mengarahkan pengusaha mengalihkan semua barangan dan struktur bangunan

jetinya," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, tindakan yang dijalankan itu seolah-olah tidak memberi kesan kepada pengusaha, sebelum tindakan penguatkuasaan lebih tegas dengan merobohkan bangunan jeti itu terpaksa dilakukan.

"Operasi merobohkan bangunan ini disertai seramai 60 anggota terdiri daripada Luas; Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Sabak Bernam; PDT Kuala Selangor; Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) Jabatan Kerja Raya; Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta turut dipantau pasukan polis.

"Kita menjangkakan operasi merobohkan bangunan jeti yang dijalankan kontraktor yang dilantik Luas mengambil masa tiga hari untuk menjalankan kerja pemindahan dan mengalihkan struktur tersebut," katanya.